



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 9 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	'SMART SAWAH' BANTU SELESAI KENAIKAN HARGA RACUN, HM -ONLINE ELAK ORANG TENGAH RAIH UNTUNG, NASIONAL, SH -18	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	2,900 HEKTAR SAWAH DITENGGELAMI BANJIR, NEGARA, KOSMO -14	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	MARDI: FARMER NEED TO USE NEW PADDY NEXT YEAR ONWARDS, CENTRAL, CHINA PRESS - C6	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
5. 6. 7. 8.	KETAM LARIS KETIKA PANDEMIK, DALAM NEGERI, UM -32 PENGUSAHA UDANG GALAH TARIK NAFAS LEGA, DALAM NEGERI, UM -29 GRASICILI BUKA PELUANG PEKERJA PEJABAT CEBURI TANAMAN CILI, BISNES SINAR, SH -28 PROMOSI MENARIK BULAN INI, HM -13	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/11/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

## 'Smart Sawah' bantu selesai kenaikan harga racun



Kuala Lumpur: Pengenalan Smart Sawah Berskala Besar Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) akan menyelesaikan kos kenaikan harga racun sehingga secara keseluruhan yang membebaskan petani.

Ini kerana kos berkenaan ditanggung syarikat peneraju iaitu kira-kira RM3,200 setiap hektar.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras (KPB), Azman Mahmood berkata, ia adalah antara manfaat program itu yang dikhususkan untuk membantu golongan petani yang berdepan pelbagai isu berkaitan penanaman padi sebelum ini.

Katanya, selain itu inisiatif berkenaan dapat meningkatkan hasil padi, mengawal serangan penyakit dan perosak secara bersepadu dari peringkat awal lagi.

"Kita dapati, kadar penggunaan air juga lebih efisien dan terurus.

"Ia sudah tentu menjimat dan mengoptimumkan pengeluaran seterusnya meningkatkan pendapatan serta melonjak industri padi dan beras negara," katanya.

Azman berkata, antara manfaat lain termasuk kawalan penyakit ulat batang seperti yang berlaku sebelum ini.

"Melalui smart SBB MAFI kita boleh mengawal penyakit ulat batang menyerang batang padi pada umur bawah 30 hari kerana dikawal secara bersepadu berbanding kawalan secara individu.

"Selain itu ia membuka ruang golongan muda terabit dalam rangkaian industri padi dan beras, menjadi usahawan berjaya dengan penggunaan teknologi serta mengamalkan pengurusan 'rice check' yang cekap dan berkesan," katanya.

Disiarkan pada: November 8, 2021 @ 9:45pm

# Elak orang tengah raih untung

MAFI perkenalkan Projek Smart Sawah Berskala Besar

Oleh MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF  
MOHD KHALID

**PUTRAJAYA**

**P**engenalan Projek Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) adalah untuk mengelak orang tengah mengambil peluang dan meraih keuntungan.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras MAFI, Azman Mahmood berkata, sektor tersebut selama ini secara konvensionalnya diasingkan membabitkan penanam padi dan pemain industri atau pembeli padi.

"Akhirnya kita dapat orang tengah yang mengambil peluang. Siapa orang tengah ini? Mereka yang berkepentingan menjual padi daripada pesawah kepada pemain industri.

"Mereka mengambil untung lebih kurang RM110 hingga RM150 per metrik tan. Bayangkan kalau kita ke luaran padi negara 2.9 juta metrik tan.

"Kita kehilangan dalam RM500 juta di tangan orang tengah sahaja. Perkara ini kita patut tangani. Kalau boleh biar duit orang tengah itu dapat terus kepada pesawah," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini pada Isnin.

MAFI dan beberapa syarikat peneraju pada Selasa akan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) menghubungkan Smart SBB di Lembaga Pertubuhan Peladang.

Smart SBB yang bermula tahun lalu diterajui kira-kira 18 syarikat, antaranya Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dan FGV Holdings Bhd (FGV).

Mengulas lanjut, Azman berkata, melalui Smart SBB, mereka yang terlibat akan mengawal daripada benih padi sehingga ke pengeluaran beras.

"Setakat ini kita telah kenal pasti

kira-kira 17,000 hektar tanah di seluruh negara termasuk di Perlis, Kedah, Selangor, Perak dan Pulau Pinang.

"Begitu juga di Kelantan, Terengganu, Pahang, Sarawak dan Sabah," katanya.

Tambah beliau, Smart SBB juga akan memberi manfaat kepada 300,000 pesawah yang mengambil bahagian di seluruh negara.

Dalam pada itu, Azman turut menjelaskan mengenai beberapa faktor yang menyebabkan pengenalan dan perlunya Smart SBB.

"Antara faktor tersebut kerana Malaysia bergantung kepada import beras dari luar negara dan hasil tuaian beras yang rendah.

"Selain itu, mereka yang mengusahakan penanaman padi adalah pesawah yang telah berusia. Ramai belia tidak berminat," katanya.

Azman berkata, pihaknya juga mendapati warga asing dari Rohingya dan Bangladesh misalnya, telah masuk ke

sawah-sawah di Selangor.

"Mereka menyewa tanah-tanah daripada tuan tanah untuk diusahakan. Ia tidak boleh dibiarkan. Jika kita tidak berbuat sesuatu, ia akan menjadi ancaman," katanya.

Selain itu, Azman menambah, faktor lain adalah kekurangan varieti benih padi baharu di Malaysia.

Menurutnya, sekarang ini kurang daripada 35 varieti benih padi yang dikeluarkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) yang diguna pakai.

"Jadi, tidak boleh berharap variasi yang ada dalam negara. Kita perlukan variasi luar negara untuk masuk ke dalam negara, yang bersesuaian dan boleh kita teroka.

"Petani bebas membuat pilihan. Mereka boleh memilih variasi yang tinggi hasilnya. Kita kena beri peluang variasi luar masuk ke dalam Malaysia dalam sektor penanaman padi," jelasnya.

Selain itu, katanya, faktor infrastruktur sebelum ini yang lemah seperti sektor pengaliran juga adalah antara faktor pengenalan Smart SBB.



AZMAN

9/11/2021

KOSMO

NEGARA

14



**PENDUDUK** kampung membawa bot, sambil bersiar-siar di dalam petak sawah padi yang ditenggelami air akibat bencana banjir di Kampung Kandal, Mukim Tajar, Kota Setar baru-baru ini. —SHAHIR NOORDIN.

## Petani kerugian selepas anak pokok padi rosak 2,900 hektar sawah ditennggelami banjir

Oleh **MOHD. RAFIE AZIMI**

**ALOR SETAR** – Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mendakwa lebih 2,900 hektar sawah dalam kawasan MADA di negeri ini ditenggelami banjir sejak dua minggu lalu.

Pengerusinya, Che Ani Mat Zain berkata, kejadian itu berpunca daripada bencana banjir dan fenomena air pasang besar di beberapa daerah di negeri ini.

Katanya, keadaan tersebut mengundang keresahan dalam kalangan petani yang bimbang anak pokok padi mungkin rosak kerana ditenggelami air dalam tempoh masa yang lama.

"Biasanya padi yang ditenggelami air boleh bertahan antara 10 hingga 15 hari. Jika air tidak su-

rut dalam tempoh tersebut, anak pokok padi akan rosak.

"Bagaimanapun, dalam keadaan sekarang, kami menganggarkan ada kemungkinan lebih 60 peratus akan rosak. Keadaan itu sudah tentu mendatangkan kerugian kepada petani," katanya dalam satu kenyataan di sini malam.

Tinjauan mendapati kebanyakan sawah terlibat ditenggelami banjir antara 0.5 meter hingga satu meter.

Memutusnya, bencana banjir akibat hujan lebat serta fenomena air pasang besar itu diburukkan lagi dengan sistem pengaliran yang tidak sempurna di beberapa kawasan.

"Demi menjaga kepentingan dan kebaikan petani, MADA perlu segera membuat bancian

terhadap keluasan sawah yang rosak serta jumlah petani terlibat.

"Pihak kerajaan khasnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAPI) pula perlu segera mengeluarkan dana untuk memberi bantuan kepada petani," ujarnya.

Buat masa sekarang kata beliau, pihaknya menganggarkan kalangan petani mengalami kerugian kira-kira RM150 sereluh (0.29 hektar) setelah mengeluarkan belanja untuk mendapatkan benih padi, racun dan mengupah kerja-kerja menabur dan meracun.

Tambahnya, MADA juga diminta segera mengenal pasti infrastruktur yang mungkin rosak berikutan kejadian banjir serta fenomena air pasang besar.

Headline	Mardi : Farmer need to use new paddy next year onwards		
MediaTitle	China Press		
Date	09 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Central	Circulation	127,822
Page No	C6	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	602 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,875
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,625



## Mardi : MR219停售

# 稻農明年須用新稻種

報導 郭貞敏

(吉隆坡4日訊) 隨著馬來西亞農業研究与发展局 (Mardi) 于11月1日停止出售MR219稻種，沙朥越一帶包括暹羅庄的稻農，在明年2月

播種時都必須使用其他和新的稻種。

馬來西亞農業研究与发展局 (Mardi) 日前發布文告，宣布自11月1日開始停止出售MR219稻種，主要是受到貨價引發的稻熱病，影響MR219稻種的收成。

該局建議稻農改用MR315 (Seri Raja)、MR31 (Sungaijan30)、MR31 Sebernas 307 和 MR31 Siraq 297 稻種。

在暹羅庄的宣佈也引起沙朥越一帶的稻農的關注，包括如今使用MR219第三代稻種種植的稻農，以及下季將使用的新稻種。

### 稻熱病影響收成

在暹羅庄的一位稻農林先生接受《中國報》電訪時說，MR219稻種已使用了20多年，在期間曾一度採用多年。



暹羅庄的稻農明年2月播種時，必須使用其他新的稻種。

## MR315稻種產量不高

林先生說，稻農如今種植的MR219是第三代稻種，在收割之後，如果MR219稻種還繼續使用，農產局在明年下季時是要發出新一代MR219稻種給稻農，再售出給稻農。

他指出，在農產局建議的其

他稻種中，他們曾種植過MR31 (Sungaijan30) 和MR31 Sebernas 307，都曾種植過兩季。

他說，MR315 (Seri Raja) 也曾經種植，但產量并不適合在暹羅庄種植。

“如果下季不可以用MR219稻種，我們可能選擇種植MR31 (Sungaijan30) 和MR31 Sebernas 307的其中一個稻種。”

稻農林先生說，稻農每一季在種植時，會和稻種商簽約，再使用稻種。而售賣的稻種，收割後的部分稻米也將作為稻種賣給稻農。

他說，隨著農產局在11月1日停止出售MR219稻種後，稻農和稻種商這一部分的稻米價格，價格可能會受到影響。

他指出，稻農在收割後，也可以選擇把部分稻米作為稻種的用途賣給稻農。

稻種的每一噸價格比較起，大約是1350令吉。一般稻米價格是每噸1200令吉，稻種的扣水率也較低，大約是15%至18%之間，一般稻米的扣水率是介乎18%至20%。

林先生說，根據農商官員了解，稻農們今季所存留的稻米不會受到影響，但收割之後，還是可以稻種再賣給稻農。

他說，稻農們也需農產局可以研究出更高收成的稻種，且也必須要適合當地的種植更加抗疾病。

他指出，如果稻米在種植前無法對抗各來稻熱病、虫害等，將會影響到稻農下季的收成。

擔心稻米價格受影響

## 黃瑞林促研究合適稻種

黃瑞林促研究合適稻種，與農產局研究更合適稻種種植的稻種，確保所種植的稻田可更抗各疾病，并取得更高的收成。

黃瑞林接受《中國報》電訪時說，目前，在暹羅庄大約有30萬公頃稻農使用MR219稻種，作為種植用途。

他說，這種稻種已使用了相當久的時間，至少超過10多年。

這批稻種已使用了相當久，稻農之前也常投訴面對各樣疾病等問題，也影響到稻農的收成。

他指出，稻農已在9月種植新一季的稻米，在11月、12月可以陸續收割。

他預計到明年3至5月開始種植新一季的稻米。

他說，隨著當局在11月1日開始停止出售MR219稻種，也意味著稻農在明年下季時，必須使用新種的稻種。

“如果當局已建議稻農使用其他的種類的稻種，稻農是否適合在暹羅庄一帶種植，也防止各疾病和新一季稻米的收成問題。”

9/11/2021

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

32

## Ketam laris ketika pandemik

**KUALA LANGAT:** Kerana percaya sup ketam boleh mencegah jangkitan demam 'denggi', kini menu makanan laut itu turut dipercayai boleh menyembuhkan jangkitan wabak Covid-19.

Kepercayaan itu menyebabkan jualan ketam laku sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan sejak tahun lalu dan ramai peniaga mengambil kesempatan menjual hasil laut berkenaan terjal masuk membuka payung di tepi jalan sebagai pendapatan tambahan.

Situasi itu dikongsi oleh orang peniaga ketam dan hasil laut di Kampung Medan Sijang-

kang di sini Mohd Yusof Bakri, 66, yang mendakwa, ketam laris disebabkan orang ramai yang dijangkiti virus tersebut ingin mencuba minum sup ketam sebagai iktiar untuk sembuh.

Menurutnya, disebabkan kepercayaan itu juga, pendapatan daripada hasil jualan ketam sahaja pernah mencecah lebih RM1,000 sebulan apabila ada pelanggan termasuk yang datang dari jauh seperti Sungai Besar dan Tanjung Karang.

"Kalau ketam nipah yang masih hidup, isinya manis dan harganya boleh mencecah RM70 sekilogram," ujarnya.



MOHD.YUSOF Bakri (kanan) menunjukkan ketam nipah yang dijualnya di Jalan Lama Bandar-Pubau Carey, Teluk Panglima Garang, Kuala Langat, Selangor. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

9/11/2021

UTUSAN

DALAM

29

MALAYSIA

NEGERI



**MOHAMAD IZZUDIN** Jizan (kiri) menunjukkan hasil ternakan udang galah yang dijarang dari kolam ternakan di Kampung Merual, Seri Menanti, Kuala Pilah semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

# Pengusaha udang galah tarik nafas lega

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**  
badrul.isa@mediamuka.com.my

**KUALA PILAH:** Sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan tahun lalu, pengusaha ternakan udang galah juga terkesan apabila hasil ternakan mereka tidak dapat dijual ke pasaran.

Situasi itu tidak terkecuali kepada kira-kira 50 orang penternak udang galah di Negeri Sembilan yang merupakan pengeluaran udang galah ternakan kedua tertinggi di negara ini.

Seorang penternak udang galah di Kampung Merual, Seri

Menanti, di sini, Mohamad Izzudin Jizan, 32, berkata, PKP waktu yang paling sukar kepada penternak-penternak udang galah apabila tiada permintaan terutama dari pasaran utama mereka iaitu Singapura.

“Udang galah ini ditenak dan dipasarkan secara hidup untuk kolam pancing restoran dan majoriti kolam pancing rekreasi terutama di Singapura.

“Bagaimanapun, semasa PKP, restoran ditutup termasuk kolam pancing, bukan sahaja dalam negara, malah juga di Singapura. Boleh dikatakan hampir puluhan ribu saya rugi kerana hasil

udang galah sudah sedia untuk dijual namun tiada permintaan,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Mohamad Izzudin yang mempunyai 24 buah kolam ternakan udang galah menambah, selepas lebih kurang setahun menunggu berdepan keadaan tidak menentu pasaran, dia kini mampu menarik nafas lega apabila permintaan kembali pulih walaupun masih perlahan terutama dari Singapura.

Jelasnya, permintaan kembali meningkat selepas tidak ada lagi PKP dan Negeri Sembilan memasuki Fasa 4, Pelan Pemulihan Negara (PPN).

9/11/2021

SINAR

28

HARIAN

Peserta pantau tanaman menggunakan telefon pintar kerana ladang dilengkapi sistem rakaman CCTV dan dron

# Grasicili buka peluang pekerja pejabat ceburi tanaman cili

*Bernama.*

Munir Ashim berkata, VCF membolehkan peserta untuk memantau tanaman mereka menggunakan telefon pintar kerana setiap ladang cili Grasicili dilengkapi dengan sistem pemantauan melalui rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dan dron.

"Malah jika ada kelapangan peserta juga dialu-alukan untuk untuk bekerja di ladang mereka dan akan diberikan elaun oleh Grasicili," katanya.

Beliau berkata, model VCF ini akan membolehkan mereka yang berminat untuk melabur dalam bidang pertanian namun mempunyai masa yang terhad turun ke ladang, untuk terbabit sama dalam membangunkan industri tersebut.

"Pasaran cili di Malaysia kini bergantung sehingga 70 peratus kepada cili import dan pelaksanaan model seperti ini akan membolehkan mereka yang mempunyai modal untuk terbabit sama dalam menyumbang kepada pembangunan sektor per-

**SHAH ALAM**

Grasicili Pti, syarikat pengusaha tanaman cili berskala besar membuka peluang kepada golongan yang bekerja di pejabat dan kalangan profesional yang berminat untuk terlibat dalam perusahaan penanaman cili melalui usaha sama secara maya.

Pengasas Grasicili, Munir Ashim Abdullah berkata, melalui model *Virtual Contract Farming* (VCF), pihaknya memberi peluang kepada golongan berkenaan untuk menceburi bidang pertanian secara maya tanpa mereka perlu turun untuk bekerja di ladang.

"Menggunakan model VCF, Grasicili memberi peluang kepada mereka menceburi bidang penanaman cili yang mana pemantauan dan perancangan dibuat oleh pihak syarikat daripada proses pembangunan hingga ke penjualan hasil," katanya kepada

menanjung Malaysia dengan jumlah keluasan ladang lebih 200 hektar.

Menurutnya, model CCF memberi peluang kepada para petani kecil bergabung menjadi kluster dengan memberi impak kepada pasaran hasil pertanian mereka melalui bimbingan daripada Grasicili dan kemudahan teknologi Internet Pelbagai Benda (IoT).

"Beberapa kerajaan negeri dan universiti termasuk di Selangor, Johor, Melaka, Pahang dan Terengganu juga telah menunjukkan berminat dengan model yang diperkenalkan Grasicili kerana diyakini mampu membantu para petani meningkatkan hasil pertanian dan mengurangkan kos pengurusan," katanya.

Beliau menjelaskan, pada masa depan, Grasicili menyasarkan untuk menguruskan lebih 1,200 hektar kawasan tanaman menjelang 2024 melalui kedua-dua model tersebut dengan menawarkan peluang pekerjaan sepenuhnya kepada warga tempatan. - *Bernama*



Munir Ashim Abdullah, Pengasas Grasicili, memberi peluang kepada peserta untuk memantau tanaman mereka menggunakan telefon pintar kerana setiap ladang cili Grasicili dilengkapi dengan sistem pemantauan melalui rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dan dron.

tanian negara," katanya.

Menurutnya, sehingga kini, model VCF telah menarik seramai lebih 50 peserta yang mana modal permulaan adalah sekitar RM20,000 bagi setiap 1,000 polybag cili dengan hasil pulangan pelaburan dijangka dapat dicapai dalam masa setahun.

"Konsep ini telah menarik ramai anak muda kerana ia membuka peluang pelaburan

yang menarik iaitu keuntungan antara 25 ke 40 peratus bagi setiap hasil tuai dengan harga cili adalah terjamin sepanjang tempoh kontrak," katanya.

Munir Ashim berkata, selain VCF, syarikat Grasicili kini menguruskan model penanaman tanaman cili berskala besar lain iaitu *Comprehensive Contract Farming* (CCF) di Sarawak, Sabah dan beberapa negeri di se-



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/11/2021	HARIAN METRO		13

Exclusively at



# PROMOSI MENARIK Bulan Ini!

Tempoh Promosi: 7-11 November 2021



**BERAS RUJI  
BERNAS BEST (1KG)**

**PERCUMA**

**Hanya Dengan Setiap  
Pembelian Keluaran  
Akhbar NSTP**



The New Straits Times Press (M) Bhd. 190.101000443 (4485-H)

Dapatkan di **7-ELEVEN**. Sepang, Dengkil, Putrajaya, Cyberjaya,  
Telok Panglima Garang, Banting, Jenjarum & Lembah Pantai (Stor terpilih sahaja)